

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan cadangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah berkenaan cadangan untuk menubuhkan sebuah lagi markas tentera darat di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah. Memandangkan Tentera Laut Diraja Malaysia telah melakukan perubahan khususnya dari segi pergerakan aset dan anggota bagi mengukuhkan aspek keselamatan di perairan negara. Perpindahan Markas Wilayah Laut II dari Sepanggar ke Sandakan dan perpindahan aset dari Lumut dan Kuantan ke negeri Sabah untuk memantapkan kesiapsiagaan perairan negeri Sabah. Namun demikian, impaknya seperti tidak begitu memberikan kesan kepada penjenayah-penjenayah rentas sempadan ini dengan berlakunya siri penculikan yang terbaru adalah pada bulan Jun 2019 yang melibat 10 orang mangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa peka akan aspek keselamatan yang mesti dipandang serius dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah amnya dan di Pantai Timur Sabah khasnya. Bagi memastikan keselamatan dan keamanan tersebut, Pelan Strategik Tentera Darat telah memperkuatkannya Divisyen Ke-5 Infantri yang sebelum ini dikenali sebagai *Task Force 450* dan ditempatkan di Kota Kinabalu untuk memerintah 3 buah Briged Infantri di seluruh negeri Sabah seperti berikut:

1. **Keselamatan Pantai Barat Sabah.** Briged Ke-5 Infantri yang berada di Lok Kawi telah dipindahkan ke Kota Belud untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Barat Sabah;
2. **Keselamatan Pantai Timur Sabah.** Briged Ke-13 (ESSCOM) yang telah ditukar nama menjadi Briged Ke-13 Infantri berpengkalan di Cenderawasih, Lahad Datu untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Timur Sabah; dan
3. **Keselamatan Sempadan Daratan Sabah/Indonesia.** Briged Ke-32 Infantri dirancang ditubuh baru dalam RMK 12 di sekitar Kalabakan untuk mengawal keselamatan sempadan daratan Sabah/Kalimantan Timur (Indonesia).

Pengawasan keselamatan di negeri Sabah dan khususnya di kawasan Pantai Timur, Sabah secara keseluruhannya turut diperkuatkannya dengan pemantauan oleh Markas Angkatan Tugas Bersama 2 di Kem Kukusan, Tawau secara bersama oleh ketiga-tiga perkhidmatan. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menempatkan Markas Pemerintahan Armada Timur di Kota Kinabalu bagi memerintah Pangkalan Laut di Sabah dan Sarawak, manakala Markas Wilayah Laut 2 telah di tempatkan di Sandakan bagi memantau Pantai Timur Sabah. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula menempatkan Markas Wilayah Udara 2 di Labuan serta Pusat Bantuan Operasi Udara di Tawau bagi memantau keselamatan ruang udara keseluruhan negeri Sabah.